

## Kandungan

Karnival Bulan Membaca Kebangsaan 2003	1
Bengkel Kemahiran Maklumat 2003	1
<b>Berita Semasa</b>	
The World Library and Information Congress Berlin, Germany 2003	2
Senarai Ahli Baru PPM	2
<b>Berita Semasa</b>	
Karnival Bulan Membaca 2003	3
Bengkel Kemahiran Maklumat 2003	3
Senarai Ahli Baru PPM	3
<b>Berita Semasa</b>	
Persaraan Cik Rosna Taib (UTM)	4
Persaraan Encik Abdul Wahid (UiTM)	4
The World Library and Information Congress Berlin, Germany 2003	4
<b>Persidangan / Bengkel</b>	
Dialog Pustakawan Dengan Pembekal Buku 22 Julai 2003	5
Perpustakaan UKM Lancar Bulan Membaca	5
Kalendar Aktiviti 2003	5
<b>Maklumat Korporat Penaja</b>	
Elsevier Science Sdn Bhd	6
<b>Sekitar Perpustakaan</b>	
Anugerah Perpustakaan Cemerlang PPM	7
Anugerah Keahlian Kehormat PPM	8
PPM Council Members 2003/2005	8



#### Ketua Pengarang

Maimunah Kadir

#### Sidang pengarang

Aripah Mohamed

Azmah Ishak

Hazmir Hj. Zainal

Mariati Embong

Norbaizura Hj. Malek

#### Grafik/layout

Azlan Mohamad Hamzah

### Pengumuman

Lokasi untuk 6th ICADL 2003 yang dijadualkan berlangsung di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur telah berpindah ke Prince Hotel & Residence Kuala Lumpur yang bertempat di Jalan Conlay, Kuala Lumpur di atas sebab-sebab tertentu. Harap Maklum

## Karnival Bulan Membaca Kebangsaan 2003

### Karnival Bulan Membaca

Kebangsaan 2003, pada Bulan Julai yang lepas dianggap lebih meriah dan menyeluruh berbanding Bulan Membaca yang disambut pada setiap Julai sebelum ini. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) selaku Urus Setia Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan dengan kerjasama Perpustakaan Awam Negeri berfungsi dalam memastikan budaya cintakan ilmu berjaya dipupuk.

Seperti tahun lepas, 'baca@ gaya hidup' dipilih sebagai tema Bulan Membaca kali ini yang menonjolkan dua aspek penting yang harus dipupuk untuk menjayakan masyarakat negara maju selaras dengan Wawasan 2020.

Pelbagai acara telah diadakan membabitkan penyertaan orang ramai terutama ibu bapa dan pelajar sekolah iaitu pertandingan, kempen, bengkel, ceramah, pameran dan pelancaran buku, yang dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Turut hadir Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Dato' Zawiyah Baba; Pengerusi Lembaga Penasihat PNM, Tan Sri Rashdan Baba; Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat dan Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Ruslin Hassan.

Antara acara yang diadakan ialah pertandingan Carian Maklumat (Info hunt), Kempen Keahlian PNM dan Perpustakaan Awam Negeri, program Bacaan Kegemaran Saya (BKS), pelancaran buku, pementasan teater babak Hang Tuah, bengkel meneroka pangkalan data elektronik dan kem Galak Belia Membaca bagi memeriahkan lagi kempen kali ini.

Lihat Muka 3



Acara Perasmian oleh YB Menteri Pendidikan



*Diucapkan  
Selamat Berpuasa  
&  
Selamat Hari Raya Aidilfitri  
1 Syawal 1424 Hijrah*

## Bengkel Kemahiran Maklumat 2003

Bengkel Kemahiran Maklumat 2003 telah berjaya diadakan pada 28-30 Julai 2003 bertempat di Pusat Sumber Pendidikan Negeri Terengganu. Bengkel anjuran Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) ini adalah dengan kerjasama Pusat Sumber Pendidikan Negeri Terengganu, Perpustakaan UKM dan

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu. Perasmian bengkel telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Idris Jusoh, Pengerusi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Seramai 200 orang jemputan telah menghadiri Majlis Perasmian bengkel di Dewan Besar

Lihat Muka 3

Berita PPM Keluaran Sept / Okt 2003 ini ditaja oleh Elsevier Science Sdn Bhd

## The World Library and Information Congress Berlin, Germany 1-9 August, 2003.

by Dr. Zohra Ibrahim

The 69<sup>th</sup> IFLA conference in Berlin made a historical change with the new title "World Library and Information Congress". As mentioned by the former IFLA President, Christine Deschamp the new title will help to raise the awareness of the annual gathering and the global professional activities of librarians and information professionals to the world outside. With the theme "Access Point Library: Media – Information – Culture the conference focuses on all aspects of a future oriented library. The theme aimed to enable the library and information professionals to demonstrate that libraries in all parts of the world fulfill their tasks as important centers for information provision in their communities and in their international network. It also summarizes the diverse tasks of libraries, the past as well as the future. Also, with the development in the field of information technology IFLA continues to undergo profound changes reflecting the momentous transitions and changes of the profession

We followed the conference with great interest in areas close to us. As for me, it was areas in education and training, school libraries and research and theory. I was impressed with all the papers that were presented especially during the plenary sessions. There were lots of exchange of ideas, knowledge and experience during the workshop and paper presentation sessions especially in education and training. However, due to the overloaded program I was not able to attend some very interesting sessions. But we were able to establish professional linkages and networks especially with the delegates from the developing countries and this will help in enhancing our career and interest.

For those who are familiar with the IFLA conference, it is filled with plenary sessions, meetings, paper presentations, work shop, library visits as well as cultural activities. The actual conference started on Sunday, 2<sup>nd</sup> August. There was a session for new comers where basic information of how the conference was conducted were given as well as the activities and divisions of IFLA. About 1142 new comers attended the session including Sai Noi from University Malaya and me. From Malaysia there were about 10 delegates representing the various library and information sectors. The number was not encouraging due to the economic condition. The participants were Dato Zawiyah Baba and Dr Hj Wan Ali from National Library, Puan Rashidah Begum from Penang State library who is also the outgoing Chairman for the Asia Oceanic section, Riza Feisal and wife from the Melaka State Library, Sai Noi from Univeristy Malaya, Rafidah from Ministry of Information, and Zalianna Mohd Zaman Khan from Sapura IT.

Two delegates presented papers, Dato Zawiyah Baba, the Director General of National Library presented an interesting paper entitled "Performance Indicators for National Libraries in Asia: a preliminary proposal based on the survey of Asian Libraries". The paper received good response from the participants as it reflected the latest state of the art of National libraries in Asia.

The other paper presentation was from Chan Sai Noi from University Malaya who presented a paper on information Literacy, "Making information literacy a compulsory subject for undergraduates: experience of the University of Malaya". The paper also received good feedback from the audience.

All the papers that were presented during the plenary sections carried specific messages to the librarians and information professionals. Each speaker was able to outline the roles and the contributions of the profession to the community. Prominent speakers with topics in the field of knowledge management, internet, the World Summit on the Information Society, democracy and globalization outline the roles of libraries as vital and important agent in the social and cultural development of the society. The speakers were: Rainer Kuhlen: Change of Paradigm in knowledge management – framework for the collaborative knowledge production. Adama Samassekou: The World Summit – a first step towards a society of commonly shared expertise and knowledge. Jeanette Hofmann: Democracy and Globalization. Klaus Ring: Are internet and print products interchangeable reading materials.

Lihat Muka Surat 4



Para peserta Malaysia sedang meraikan ahli RSCAO yang baru di sebuah restoran Turki di Berlin

## Sambungan Senarai Ahli Baru PPM dari Januari sehingga Jun 2003

### Ahli Profesional

Sabariah Bt Basir	Perpustakaan UM
Sanizan Bin Sarozi	Cosmopoint
Sarasyima Md Salleh	Perpustakaan UTM
Shazlin Azni Bt Shaharudin	PNM
Siti Nor Rahmah Binti Hj Yaman	KUTKM
Siti Rafiah Bt Harun	Politeknik Dungun
Suhaila Bt Abd Rahman	PNM
Suriati Bt Ein	Institut Diplomasi & Luar Negeri
Suzana bt Mohd Dini	Telekom R&D S.Bhd
Syamsidar Bt Abd Razak	PNM
Syarifah Naqiya Bt Syed Abd Rahman	PNM
Teow Poh Lin	Kolej Sunway
Ulya Sujak	MUST
Wan Rozaini Bin Wan Ibrahim	PNM
Yap Chon Ling	Kolej Taylor
Zahril Shahida Bt Ahmad	Perpustakaan UM
Zuhra Bt Zainuddin	Perp. KUITTHO

### Ahli Pelajar

Hasira Bt Ludin	Universiti Malaya
Kaba AbdoulAye	UIAM
Koh Cheng Chong	Federal Inst.Of Tech.
Namita Santr	

Dari Muka 1

Persatuan Pustakawan Malaysia telah terlibat dalam program bulan membaca ini dengan menganjurkan Bengkel Kemahiran Maklumat di Pusat Sumber Negeri Terengganu pada 28- 30 Julai 2003 yang lalu.

Pameran turut diadakan sempena karnival ini bertujuan memaparkan amalan membaca di kalangan masyarakat dan meningkatkan kesedaran masyarakat khusus golongan remaja mengenai kepentingan menjadikan amalan membaca sebagai satu gaya hidup.

Persatuan Pustakawan Malaysia juga telah menyertai pameran ini bagi mempromosikan dan mendedahkan aktiviti dan peranan yang dilaksanakan oleh Persatuan bagi memupuk minat membaca dikalangan masyarakat

Sebahagian Petikan : Berita harian ( 2/7/2003)



Tan Sri Musa Muhamad diiringi Dato' Zawiyah Baba Melawat Pameran Karnival Bulan Membaca 2003

Dari Muka 1

Pusat Sumber Pendidikan Negeri Terengganu.

Ketua Pustakawan UKM adalah Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Bengkel dan beberapa Pustakawan UKM menjadi fasilitator dan urusetia. Ini adalah merupakan kali yang kedua PPM mengadakan aktiviti di luar Kuala Lumpur. Negeri Terengganu telah terpilih sebagai tuan rumah bagi projek kali kedua ini.

Antara Objektif bengkel ini adalah untuk memberi kesedaran mengenai manfaat kemahiran maklumat kepada masyarakat setempat, memberi pendedahan kepada strategi pencarian maklumat yang sistematik, berkesan dan menyeluruh dan membimbing peserta mengenai teknik pencarian maklumat dengan menggunakan ICT yang penting pada masa ini.

Seramai 26 orang peserta telah mengikuti bengkel ini yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah Maktab Perguruan, guru-guru, pegawai dan kakitangan dari Pusat Sumber Pendidikan Negeri Terengganu, Pusat Kegiatan Guru Terengganu, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA)

Upacara penutup bengkel ini telah diadakan pada 30 Julai 2003 oleh Puan Putri Saniah Megat Abd Rahman, Naib Yang DiPertua I, Persatuan Pustakawan Malaysia. Puan Hajah Nurhizan, Ketua Penolong Pengarah, Pusat Sumber Pendidikan Negeri Terengganu telah menyampaikan sijil kepada peserta bengkel.



Dato' Idris Jusoh diiringi Dato' Zawiyah Baba melawat pameran



Majlis Perasmian oleh Y. Bhg Dato' Idris Jusoh



Peserta & Fasilitator Bengkel

### Senarai Ahli baru Persatuan Pustakawan Malaysia sehingga 12 September 2003

#### Ahli Profesional

- |                            |                    |
|----------------------------|--------------------|
| 1. Sham Ismaniza Bt Ismail | BSN Commerce       |
| 2. Aini Bt Ahmad           | KUTKEM, Kuantan    |
| 3. Siti Hadijah Alwi       | BPT, Kement. Pend. |

#### Ahli Gabungan

1. Jaspal Singh A/L Jeswant Singh Taylors College

#### Ahli Institusi

1. Public Mutual Berhad

#### Ahli Pelajar

1. Lam Seong Nee Universiti Malaya

### Persaraan Cik Rosna Taib

Cik Rosna Taib telah mencurahkan bakti kepada PSZ selama 30 tahun sekaligus menjadikan beliau seorang pentadbir yang profesional dan berpengalaman luas dalam bidang kepustakawanan. Beliau menerajui PSZ selaku Ketua Pustakawan bermula 6 Jun 1994 dan menamatkan perkhidmatan pada 4 Jun 2000. Beliau memulakan kerjaya di UTM sebagai Penolong Pustakawan dari tahun 1973 sehingga 1982. Seterusnya beliau diberi kepercayaan



memegang jawatan Timbalan Ketua Pustakawan dari tahun 1982 sehingga 1994 sekaligus bertanggungjawab membantu dalam perancangan dua buah bangunan PSZ di kampus Skudai dan Kuala Lumpur. Kerjaya beliau semakin mencabar apabila dilantik sebagai Pemangku Ketua Pustakawan pada Oktober 1992 sehingga Jun 1994 dan akhirnya sebagai Ketua Pustakawan bermula Jun 1994 sehingga bersara. Di bawah kepimpinannya, PSZ telah dianugerahi pensijilan MS ISO 9001:2000 dan menjadi penerima pertama Anugerah Kualiti Naib Canselor UTM pada tahun 2000. Beliau merupakan perancang dan penggerak ke arah pelaksanaan Perpustakaan Digital UTM. Selaras dengan kepakarannya, beliau juga bergiat cergas dalam Jawatankuasa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau aktif dalam bidang penulisan dan pembentangan kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pembentangan kertas kerja beliau yang terakhir sebelum bersara ialah di Persidangan 'Knowledge Management in the Digital World' yang dianjurkan oleh PSZ/PPM dengan cemerlang diperingkat antarabangsa pada 22-24 Oktober 2001.

Pemangku Ketua Pustakawan PSZ sekarang ialah Puan Rusliza Yaacob yang menggantikan beliau mulai 5 Jun 2003.

### Persaraan En. Abdul Wahid Hj Sulaiman

Encik Abdul Wahid Sulaiman telah berkhidmat lebih dari 30 tahun di UiTM, bermula dari bulan April 1971 sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan di Kampus Jalan Othman, Petaling Jaya. Pada tahun 1985 dilantik sebagai Pustakawan Kanan, 1993 sebagai Timbalan Ketua Pustakawan dan Disember 1998 sebagai Ketua Pustakawan. Telah dinaikkan ke jawatan Gred Utama (KUP) mulai 15 Oktober 2001.



Beliau menganggotai Jawatankuasa di peringkat UiTM untuk membantu menjalankan aktiviti dan programnya. Antaranya ialah Jawatankuasa Pemeriksa Jabatan (Staf C & D), Jawatankuasa Latihan dan Biasiswa (bukan akademik), Jawatankuasa Kualiti Mutu Kerja (KMK) dan Pengerusi Hari Kualiti UiTM 1999. Di antara Jawatankuasa di luar UiTM ialah Ahli Majlis PPM, Ahli PERPUN, Ahli Majlis Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Selangor dan sebagainya. Pernah memegang jawatan-jawatan penting di dalam persatuan dan pertubuhan di peringkat UiTM dan negeri Selangor seperti Timbalan Presiden, Presiden Kesatuan Kakitangan Umum UiTM, Ahli Majlis Agong (Pihak Pekerja) Badan Berkanun Malaysia, Pemangku Presiden Persatuan Pentadbir UiTM, Ahli Lembaga Koperasi UiTM (Buku), Timbalan Pengerusi, Pengerusi Koperasi Kakitangan UiTM dan Bendahari ANGKASA Negeri Selangor.

Telah menghadiri seminar dan persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Konferensi New Information Technologies of Brunei, INFLA Conference di Boston, USA, World Library Summit 2002 di Singapore dan lain-lain.

Hajah Paiza Idris telah menggantikan tempat beliau yang mula mengambilalih tugas Ketua Pustakawan mulai April 2003

### Dari Muka 2

Would be good for us to read the papers and the full text of the papers can be accessed at IFLANET at [www.ifla.org](http://www.ifla.org).

Workshop sessions were conducted concurrently so we had to choose those that are of interest to us. Some attended the information literacy workshop and I was able to attend the sessions conducted by education and training and the school library sections. The whole day workshop was conducted at the Humboldt University gave us an opportunity to exchange ideas on educating future librarians and information professionals. Four papers regarding library and information training programs conducted in library school in Germany and Switzerland were presented. For the school library sessions there were good papers presented. However, three presentations were in French. Due to the non-availability of simultaneous interpretation we were not able to contribute during the discussion due to lack of knowledge of what was actually presented.

Thought out the conference the Malaysian delegates hardly meet. However, we had an interesting and delicious dinner hosted by Puan Rashidah at a Turkish restaurant. The night was a memorable occasion and the food was extra ordinary.

Although the program was very tight we had a glimpse of Berlin when we went for the two- hour guided tour of Berlin.

We managed to see the Tiergarten, the Hans der Kulturender Welt or the pregnant oyster, the Berlin Wall, the famous Brandengurg Wall, Charlie check point, the Fernsehturm or the television tower (supposed to be the second tallest structure in Europe) and others. We wish we could spend more time on these historical sites.

For most of the delegates we left IFLA conference with lots of experience, new ideas and friends. The knowledge gathered was invaluable and the experience gained helped us to look at the profession with new perspectives and vision. Personally, it gave me ideas of how the curriculum of the library school should be adjusted to suit to new development that is happening globally. The conference is the convergent center for new insights of how the new librarians and information professionals should be trained, the qualities, skills and knowledge needed for the new breed of librarians and the information professionals to continue serving the community in order to be accepted with the other professions of the world.

Lastly, thank you Puan Rashidah and Sai Noi for all the fun we had especially the late bus rides at night and thank you for the nice time in Berlin. See you in Buenos Aires in 2004, Insya Allah.

### DIALOG PUSTAKAWAN DENGAN PEMBEKAL BUKU 22 JULAI 2003

Dialog pembekal buku merupakan salah satu acara Program Sehari Bersama Penerbit Ke 5 yang diadakan pada 22 Julai 2003 sempena Bulan Membaca Kebangsaan 2003. Ianya telah berlangsung di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 150 orang peserta telah hadir terdiri daripada Pustakawan, Pembekal buku, kontraktor buku dan penerbit.

Dialog ini telah dipengerusikan oleh Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman iaitu Ketua Pustakawan, UKM. Ahli panel dialog ini pula terdiri daripada Tuan Hj Wan Omar Wan Ghani dari Unit e-Perolehan, (Kementerian Kewangan Malaysia), Tuan Haji Hassan Hamzah (Presiden Persatuan Kontraktor Buku Malaysia) dan Puan Laila bt Hassan dari Universiti Putra Malaysia.

Setiap ahli panel telah mengutarakan topik perbincangan menarik dalam pelbagai aspek dan isu seperti e-Perolehan yang disampaikan oleh Tuan Haji Wan Omar Wan Ghani. Menurut beliau, E-perolehan merupakan cara pembekalan bahan terkini secara online. Sistem ini diaplikasikan sama seperti sedia ada cuma ianya diaplikasikan secara online. Melalui e-perolehan pencarian bahan boleh dilakukan samada terhadap pembekal atau produk/bahan. beliau juga mensyorkan pembekal supaya memainkan secara aktif dalam pelaksanaan e-Perolehan.

Puan Laila Hassan pula mengutarakan topik perbincangan berkaitan Pembekalan buku penerbitan luar negara : isu dan cadangan mempertingkatkan perkhidmatan bekalan. Beliau juga telah memberikan beberapa faktor yang tidak memuaskan kepada pustakawan dan pembaca dalam aspek pembekalan buku antaranya pembekalan buku luar negara secara fizikal adalah lambat, edisi yang tidak terkini dan kecacatan fizikal buku. Beliau juga mencadangkan agar pustakawan memerlukan e-sistem dan 'e-procurement' untuk memudahkan operasi harian dan meningkatkan perkhidmatan.

Manakala, Tuan Hj Hassan Hamzah sebagai ahli panel ketiga membincangkan tentang isu-isu berkaitan e-perolehan dari perspektif Persatuan Kontraktor Buku Malaysia dan isu mengenai harga buku yang tidak seragam diantara pembekal dengan pembekal lain. Beliau telah menyatakan sokongan penuh perlaksanaan e-Perolehan.



Pengerusi dan ahli panel dalam sesi Dialog Pustakawan Dengan Pembekal Buku.

Sesi soal jawab juga telah mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Pelbagai cadangan dan soalan telah dikemukakan antaranya cadangan tentang keperluan bagi mengadakan perbincangan khas antara Pustakawan dan pembekal untuk mengatasi masalah-masalah bekalan bahan dan juga cadangan supaya diadakan 'standardization of cataloguing' diantara semua perpustakaan.



### Perpustakaan UKM lancar Bulan Membaca

Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah berjaya menganjurkan Bulan Membaca UKM 2003. Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Prof Emeritus Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Baba telah merasmikan acara tersebut pada 10 Julai 2003 di Dataran PTSL, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan.


Empat acara telah diadakan bersempena majlis tersebut iaitu, Pelancaran Dana Endowmen Perpustakaan UKM, Penyerahan koleksi Sumbangan Keluarga Allahyarham Haji Said Ibrahim, Penyampaian Anugerah Pencinta Ilmu dan Pelancaran Perpustakaan Digital yang bertujuan memberi perkhidmatan digital bagi penerbitan khususnya tesis, laporan penyelidikan, kertas kerja seminar, dan bahan jurnal laporan popular Asia Tenggara.

Sebahagian Petikan - Senada, Julai 2003

Kalender Aktiviti PPM 2003	Tarikh	Tempat
1. Bengkel Benchmarking Antara Perpustakaan Akademik	14-16 Oktober 2003	PETALING JAYA
2. Rombongan ke CONSAL, Brunei	18-23 Oktober 2003	BRUNEI
3. International Conference on Asian Digital Library	8-11 Disember 2003	KUALA LUMPUR



ELSEVIER BACKFILES ON  
SCIENCE @ DIRECT®



**IN ORDER TO MOVE  
FORWARD, YOU  
SOMETIMES HAVE TO  
TAKE A STEP BACK.**

Imagine the ground-breaking scientific research of the last century available with one click from your desktop. Nobel Prize winning articles, unique discoveries and classic theories in electronic format – all fully searchable and interlinked with today's top papers. 25,000 km long, 30 skyscrapers high, 4,000 tonnes of journal articles at your fingertips.

That's what the backfiles from ScienceDirect deliver.

For more information, visit:

[www.info.sciencedirect.com/backfiles](http://www.info.sciencedirect.com/backfiles)

(ScienceDirect is a part of Elsevier)

All enquiries are welcome. Email us at [asiainfo@elsevier.com](mailto:asiainfo@elsevier.com)

**ELSEVIER BACKFILES  
ON SCIENCE@DIRECT**

Research of the past for the scientists of today.

## Anugerah Perpustakaan Cemerlang PPM

### 1.) Pengenalan

Cabaran sengit yang terpaksa dihadapi oleh perpustakaan sebenarnya adalah untuk menyedarkan masyarakat terhadap peranan dan kepentingan perpustakaan itu sendiri. Untuk itu, program pendidikan pengguna dan perhubungan awam yang agresif perlu sentiasa diadakan untuk memperbetulkan persepsi dan meningkatkan kualiti perhubungan antara perpustakaan dan masyarakat.

Menyedari pentingnya pendidikan pengguna dan perhubungan awam kepada perpustakaan, PPM bercadang untuk memberi penghargaan kepada mana-mana perpustakaan yang telah menunjukkan kecemerlangan di dalam aspek ini.

### 2.) Tujuan anugerah ini adalah untuk :

- 2.1. untuk memberi penghargaan kepada perpustakaan yang telah mengadakan program pendidikan pengguna dan perhubungan awam yang cemerlang.
- 2.2. untuk menggalakkan program pendidikan pengguna dan perhubungan awam di perpustakaan
- 2.3. untuk menghargai sesebuah perpustakaan yang telah berjaya mempromosi bidang kepustakawanan kepada masyarakat umum.

### 3.) Kategori perpustakaan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

#### 2.1. Perpustakaan kecil

Anugerah Perpustakaan cemerlang (Kategori Perpustakaan kecil) - untuk kakitangan mempunyai tidak lebih 5 orang

#### 2.2. Perpustakaan sederhana/besar

Anugerah Perpustakaan Cemerlang (Kategori perpustakaan sederhana/besar) adalah untuk kakitangan 6 orang ke atas.

### 4) Kriteria pemilihan :

Calon-calon yang layak untuk dipertimbangkan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu daripada kriteria berikut :

Berjaya mengadakan dan melaksanakan:

- program terancang dalam pendidikan pengguna
- program terancang untuk program perhubungan awam
- telah menunjukkan prestasi melalui program terancang tersebut.
- dapat membuktikan peningkatan prestasi melalui pengumpulan data/statistik yang dibuat.

### 5) Kekerapan anugerah

Anugerah ini akan diberikan dua tahun sekali

### 6.) Peraturan pemilihan

#### 6.1 Nama Anugerah adalah :

6.1.1 Anugerah Perpustakaan Cemerlang PPM/Sponsor (kategori Perpustakaan Kecil)

6.1.2 Anugerah Perpustakaan Cemerlang PPM/Sponsor (kategori Perpustakaan Sederhana/Besar)

6.2 Penerima terbuka kepada semua jenis perpustakaan samada swasta dan kerajaan.

6.3 Perpustakaan penerima hendaklah diuruskan oleh sekurang-kurangnya seorang Pustakawan Profesional

6.4 Menjadi ahli Institusi PPM pada tahun penerimaan anugerah

6.5 Penerima layak untuk menerima anugerah ini lebih dari sekali dengan syarat untuk kecemerlangan bidang yang lain

6.6 Anugerah ini tidak perlu diberi jika panel pemilihan merasakan tiada penerima yang layak

### 7.) Panel Pemilihan

7.1 Panel Pemilihan terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Majlis PPM

7.2 Keputusan Panel Pemilihan adalah muktamad

### 8) Pencalonan

8.1 penyertaan hendaklah dibuat melalui penamaan/pemohonan

8.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan kriteria-kriteria yang menyokong penyertaan

8.3 Panel Pemilihan tidak boleh menganggotai panel jika perpustakaan beliau bertugasan dicalonkan

### 9.) Pemilihan

9.1 Ketua Pustakawan mungkin diminta untuk menghadiri temubual jika dirasakan perlu.

9.2 Lawatan ke perpustakaan oleh Panel Pemilihan boleh dilakukan jika dirasakan perlu

9.3 Calon penerima anugerah hendaklah bersedia memberikan maklumat tambahan jika diminta oleh Panel Pemilihan

9.4 Keputusan Panel Pemilihan adalah muktamad

### 10.) Hadiah

10.1 Wang tunai sebanyak RM5,000 untuk setiap kategori

10.2 Trofi Pusingan

10.3 Trofi iringan dan sijil penghargaan

## Anugerah Keahlian Kehormat PPM

### 1) Tujuan :

Keahlian kehormat PPM boleh dianugerahkan kepada mana-mana warganegara yang berwibawa dan memberi sumbangan yang menonjol dalam bidang kepustakawanan di Malaysia atau bidang lain yang berkaitan. Sumbangan ini mestilah merupakan sumbangan bermakna dalam meningkatkan perkhidmatan perpustakaan secara menyeluruh di Malaysia. Penganugerahan keahlian kehormat ini bertujuan untuk memberi penghormatan kepada PPM dan individu berkenaan.

### 2) Kriteria Pemilihan

1. Individu berkenaan mestilah menonjol dan pemilihannya tidak dipertikaikan.
2. Perlantikan ini mestilah mengiktiraf sumbangan yang diberi oleh individu berkenaan dan bukannya mewakili pencapaian sesuatu kumpulan.
3. Seseorang yang diberi keahlian kehormat mestilah berkaliber yang akan meningkatkan citra PPM melalui perlantikannya.
4. Keahlian kehormat harus dianugerahkan kerana sumbangan yang diberikan itu melebihi minat serta pencapaian individu di peringkat tempatan dan wilayah. Sumbangan yang diberi mestilah mempunyai kepentingan yang berpanjangan dalam bidang kepustakawanan atau bidang berkaitan
5. Penerima anugerah boleh di kalangan pustakawan atau individu yang terlibat dalam bidang berkaitan.

### 3) Faedah Keahlian Kehormat

- Yuran keahlian dikecualikan seumur hidup
- Pendaftaran percuma dalam semua seminar dan persidangan PPM seumur hidup
- Jemputan khas kepada semua acara PPM
- Naskah percuma bagi semua jurnal PPM (seperti dikehendaki)
- Disenaraikan dalam seksyen khas keahlian kehormat dalam buku panduan Organisasi PPM
- Disenaraikan dalam senarai VIP PPM

### Sumbangan Berita

*Berita PPM sentiasa mempertingkatkan kualiti kandungannya, Oleh itu kami amat mengalu-alukan sumbangan berita dan rencana daripada para ahli PPM. Sebarang sumbangan bolehlah di hantar ke alamat:*

*Puan Maimunah Kadir*

*d/a Perpustakaan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia  
Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar,  
HUKM, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak 56000  
Cheras, Kuala Lumpur*

*Tel: 03-91702288*

*E-mail: mai@mail.hukm.ukm.my*

### 4) Prosedur Pencalonan :

Ahli PPM boleh mencalonkan mana-mana individu unuk keahlian kehormat. Pencalonan mesti diterima sebelum sesuatu tarikh yang ditetapkan oleh majlis PPM. Yang Dipertua boleh memaklumkan nama-nama yang diluluskan oleh ahli majlis PPM didalam Mesyuarat Agung.

#### Pencalonan mesti mengandungi:

- Nama calon dan jawatan sekarang, termasuk gelaran, nama institusi, alamat nombor telefon, faks serta alamat e-mail.
- Kenyataan mengapa individu berkenaan dicalonkan, termasuk bagaimana calon itu memenuhi kriteria pemilihan yang tersebut di atas.
- Sekurang-kurangnya 3 surat sokongan
- Resume atau maklumat biografi
- Dokumen-dokumen lain yang berkaitan boleh disertakan.

#### PPM Council Members 2003/2005

##### President

Dato' Zawiyah Baba

##### Vice President 1

Putri Saniah Megat Abdul Rahman

##### Vice President II

Siti Zakiah Aman

##### Immediate Past President

Rashidah Begum Fazal Mohamed

##### Honorary Secretary

Nafisah Ahmad

##### Honorary Assistant Secretary

A. Azli Abd Rahim

##### Honorary Treasurer

Chin Loy Jyoon

##### Council Members

Mohd Sharif Mohd Saad

Maimunah Kadir

Hasbullah Atan

Norma Mohd Darus

Shaiful Yazam Mat

#### Persatuan Pustakawan Malaysia

PO.BOX 12545

50782 Kuala Lumpur

Tel/Fax: (603)-26947390

Email : ppm55@po.jaring.my